

Saluran-TV yang baru untuk kanak-kanak di dunia Arab



Seratus juta kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun tinggal di dunia Arab dan sekurang-kurangnya setengah daripada mereka mempunyai

saluran televisyen satelit. Kanak-kanak dan pemuda-pemudi ini mewakili masa depan di kawasan itu. Kanak-kanak yang hidup di tengah-tengah persengketaan, kekurangan harapan dan masalah selalu berpaling kepada TV sebagai sebuah tempat yang selamat dan tempat untuk melarikan diri. Kanak-kanak Arab kini mempunyai peluang untuk menonton program Kristian sepanjang masa. Pada Disember 2007, rangkaian SAT-7 telah melancarkan SAT-7 KIDS- rangkaian 24 jam saluran satelit televisyen Arab untuk kanak-kanak.

Selama lebih kurang 12 tahun, rangkaian SAT-7 telah mendorong dan menguatkan orang-orang yang percaya semasa ia menyampaikan mesej Kristus yang membawa harapan kepada setiap rumahtangga di Timur Tengah dan Afrika Utara. Di SAT-7 KIDS, kanak-kanak boleh menonton program-program yang mengandungi mesej kasih, pengampunan dan tidak membalas dendam. Rangkaian ini menyiarkan rancangan kartun, drama, cerita alkitab, rancangan permainan dan pelbagai rancangan mengenai bagaimana berjalan dengan Tuhan. Dari mula lagi,



program-program untuk kanak-kanak telah menjadi salah satu yang paling popular di antara pelbagai rancangan yang didapati di SAT-7.

Beberapa komen dari penonton:

- “Saya mengucap syukur kepada Tuhan atas program-program anda yang menyebarkan Firman Tuhan di dunia Arab. Saya selalu menonton program kanak-kanak anda walaupun saya sudah berumur 27 tahun dan

adalah seorang guru sekolah Minggu!”
(Pemuda dari Siria)

- “Saya berumur 9 tahun. Saya mempunyai suatu soalan: Bagaimanakah saya boleh mengasihi orang yang tidak memperlakukanku dengan baik?” (Kanak-kanak perempuan di Mesir)
- “Saya ingin memberitahu anda bahawa saya sangat menyukai rancangan anda. Ia membantuku untuk memahami dan

mengetahui perkara-perkara mengenai Tuhan. (Kanak-kanak perempuan Mesir yang tinggal di Arab Saudi)

Lihat laman web di:

<http://www.sat7.org>

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoa untuk kanak-kanak dari dunia Arab agar mereka akan diberkati dengan menonton SAT-7 KIDS.*
- *Berdoa untuk inspirasi dan kreativiti bagi mereka yang bekerja*



dengan aktifnya dan menjadikan SAT-7 KIDS sebagai sebuah rangkaian yang menarik dan membantu pengikut-pengikut Yesus serta orang-orang Muslim.

- *Berdoa untuk dana tambahan bagi SAT-7.*

Idea-idea orang-orang Muslim mengenai orang-orang Kristian

Seringkali orang Muslim mengaitkan keKristianan dengan budaya barat. Orang-orang Muslim percaya bahawa orang-orang Kristian terpedaya dan mereka mempunyai tanggungjawab untuk memimpin mereka kepada kebenaran Islam. Bagi kebanyakan orang Muslim, perkataan “Kristian” menandakan materialisme, kekurangan rohani dan kejatuhan akhlak. Atas sebab ini, mereka menolak banyak perkara yang berasal dari masyarakat Barat yang dianggap oleh mereka sebagai

penyelewengan. Bagi orang-orang Muslim, pengambilan arak, bahan-bahan lucuh, cara hidup yang bebas dan kekurangan amalan agama merupakan tanda-tanda kegagalan negara-negara Barat (Mereka selalu melihat dan mendengar perkara-perkara ini di televisyen, filem-filem, buku-buku dan muzik Barat).

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

